

08/09/1997

Bintang bantu projek Aids

Mokhtar Alias

SEMAKIN ramai celebrities antarabangsa memberi sumbangan berupa barangan peribadi mereka untuk dijual dan hasilnya didermakan kepada Yayasan Aids Malaysia.

Terbaru ialah penyanyi lagu Latin, Enrique Iglesias yang baru muncul menerusi album keduanya, Vivir.

Bintang ternama lain yang menyerahkan barangan milik peribadi mereka ialah Mel Gibson yang menyumbangkan pakaiannya di samping jaguh lumba kereta Formula One, Michael Schumacher menghadihkan sarung tangannya.

Iglesias menyerahkan baju yang ditandatangani sendiri pada sidang akhbar sempena promosi album terbaru yang ketika ini terjual sebanyak lima juta unit di Lembah Kelang, petang Jumaat lalu.

"Ini adalah sumbangan ikhlas saya untuk membantu projek Aids yang diharapkan dalam memberi manfaat kepada pesakit Aids," katanya pada majlis berkenaan, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketika ditemui, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, orang ramai boleh membeli barangan berkenaan pada majlis Fashion Aid '97 - Jualan Amal Untuk Aids di pusat beli-belah Lot 10, Kuala Lumpur, pada 4 dan 5 Oktober ini mulai jam 10 pagi hingga 9 malam.

Dia berkata, pihaknya berharap dapat mengutip sekurang-kurangnya RM250,000 daripada jualan koleksi pakaian berjenama terpakai, kasut, beg tangan, pakaian kanak-kanak, hiasan rumah dan aksesori.

Manakala, alat mainan pula dijual pada harga murah.

Selain barangan peribadi sumbangan orang kenamaan dan orang ramai, beberapa artis tempatan sudah menyerahkan barangan peribadi mereka untuk dijual pada hari berkenaan.

Artis berkenaan ialah Sheila Majid, KRU, Haris Iskandar, Fauziah Latif, Seha dan ramai lagi.

Beberapa artis terkenal juga mengadakan persembahan, selain pertunjukan fesyen.

Majlis ini dijangka menarik kerana banyak pihak sudah menyatakan untuk membeli barangan celebrities terkenal itu dan menyebabkan harganya agak di luar dugaan ketika dilelong.

Sementara itu, Enrique, 21, adalah anak lelaki penyanyi romantika terbilang, Julio Iglesias.

Dalam usianya yang masih muda, album pertamanya yang berjudul Enrique Iglesias dijual sebanyak lima juta unit di seluruh dunia.

Album terbarunya lebih memeranjatkan kerana empat juta unit dijual dalam masa sehari dipasarkan di seluruh dunia. Ketika ini, ia sudah mencapai jualan lima juta unit.

"Seperti kebanyakan penyanyi lain yang merakamkan album sudah tentu mereka dibayangi dengan dua faktor, sama ada gagal atau berjaya tetapi saya sungguh bernasib baik kerana jualan album saya amat memberangsangkan," katanya.

Dia berpendapat mencapai kejayaan dalam usia muda adalah lebih baik kerana dia lebih bersedia ketika mencapai usia 30-an.

Malah, dia membayangkan boleh bersara ketika itu.

"Jika saya bersara, saya mahukan nyanyian dan lagu ciptaan saya dikenang sebagai karya terbaik," katanya.

(END)